

30 MAY 1999

China-hubungan

CHINA SEDIA TERUSKAN HUBUNGAN DENGAN M'SIA DALAM SEMUA BIDANG

KUALA LUMPUR, 30 Mei (Bernama) -- China bersedia untuk meneruskan hubungan dua hala dan kerjasama dalam semua bidang dengan Malaysia demi untuk kemakmuran kedua-dua negara dan keamanan dan kestabilan serantau, kata Perdana Menteri China Zhu Rongji hari ini.

Katanya penubuhan hubungan diplomatik antara Malaysia dan China 25 tahun lepas telah membuka lambaran baru kepada persahabatan dan kerjasama untuk faedah bersama antara kedua-dua negara.

Malaysia dan China menubuhkan hubungan diplomatik pada 31 Mei, 1974.

"Dalam tempoh itu, dengan mematuhi semangat yang termaktub dalam Kenyataan Bersama mengenai Penubuhan Hubungan Diplomatik dan Lima Prinsip Hidup Bersama Secara Aman, kedua-dua negara telah melayan antara sama lain dengan ikhlas dan hidup bersama secara aman," katanya.

Zhu berkata demikian dalam perutusannya kepada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, sempena dengan ulangtahun ke-25 penubuhan hubungan diplomatik antara China dan Malaysia.

Katanya selain daripada mengadakan kerjasama persahabatan dalam semua bidang, kedua-dua negara telah menjalankan penyelarasan dan kerjasama yang baik mengenai hal ehwal antarabangsa dan serantau.

"Mengekalkan kerjasama Sino-Malaysia bukan sahaja bertindak sebagai kepentingan asas kepada kedua-dua rakyat tetapi juga memberi sumbangan penting terhadap keamanan, kestabilan dan pembangunan rantau ini," katanya.

Menteri Luar China Tang Jiaxuan dalam perutusan yang sama kepada rakan sejawatannya di Malaysia Datuk Seri Syed Hamid Albar, berkata beliau bersedia untuk membuat sumbangan aktif untuk menggalakkan hubungan dan kerjasama kejiranan antara kedua-dua negara.

Katanya sejak penubuhan hubungan diplomatik itu, para pemimpin peringkat tinggi acap kali saling melaku lawatan dan kerjasama dalam semua bidang terus diperkukuhkan.

Meanwhile, Syed Hamid akan melakukan lawatan selama lima hari ke China mulai hari ini sebagai sebahagian daripada usaha bersama oleh kerajaan Malaysia bagi mempertingkatkan dan memperluaskan hubungan dua hala selepas 25 tahun.

Lawatan itu akan memberipeluang kepada kedua-dua negara untuk menilai keakraban hubungan mereka dan untuk memaklumkan antara satu sama lain mengenai perkembangan yang berkaitan dengan kedua-dua negara, katanya kepada Bernama semalam.

-- BERNAMA

NZ WAT